

lokal



**MESIN
'BAHAM'
TANGAN**

ANGGOTA bomba mengeluarkan tangan mangsa yang tersempit dalam mesin pembancuh tepung, semalam.

Oleh Zuliaty Zulkifli
am@hmetro.com.my

Pendang

Seorang pekerja sebuah pasar raya di Kampung Kobah di sini, bernasib baik apabila tangan kanan-nya berjaya dikeluarkan dengan bantuan bomba selepas tersempit dalam mesin pembancuh tepung semalam.

Dalam kejadian jam 9.20 pagi itu, mangsa iaitu lelaki berusia 20-an itu dipercayai

membancuh tepung sebelum kejadian berlaku. Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah Penguasa Kanan Bomba I Mohamadul Ehsan Mohd Zain berkata, pihaknya menerima panggilan jam 9.27 pagi. Beliau berkata, operasi diketuai Penolong Penguasa

Bomba Mohd Ezzat Emran Ezani bersama sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pendang tiba jam 9.30 pagi. "Operasi turut dibantu sepasukan anggota dari BBP Jalan Raja. "Setibanya di lokasi anggota bomba yang tiba di tempat kejadian mendapati mangsa cedera akibat tanggan kanan tersempit pada

mesin pembancuh tepung," katanya. Mohamadul Ehsan berkata, tindakan anggota BBP Pendang dan Jalan Raja adalah mengeluarkan tangan mangsa menggunakan peralatan khas dengan meleraikan mesin itu sehingga selesai. Beliau berkata, tangan mangsa berjaya dikeluarkan pada jam 11.50 pagi oleh anggota bomba.

Pekerja pasar raya tersempit mesin bancuh tepung diselamat bomba

Cemas anak terlelap dalam kereta

Muar: Pasangan suami isteri cemas lebih 10 minit selepas anak perempuan mereka berusia 10 tahun terperangkap dalam kereta di depan kedai di Taman Indah di sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian jam 10.13 malam itu, pasangan terabit dilapor meninggalkan anak mereka dalam kenderaan itu untuk membeli barang di kedai di kawasan berkenaan.

Juruangkap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan



ANGGOTA bomba mengeluarkan mangsa yang tertidur di dalam kereta.

Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor berkata, mangsa ditinggalkan di dalam kereta itu berseorangan dan sebaik pasangan itu kembali, mereka

dapati kereta terkunci. Mereka dapati kanak-kanak perempuan itu tidur dalam kereta yang enjinnya masih hidup. "Pasangan itu dibantu orang awam yang cuba mengejutkan kanak-kanak itu dari tidur namun tidak berjaya," katanya dalam kenyataannya, semalam. "Katanya, pasukan bomba yang tiba di lokasi kejadian kemudian menggunakan peralatan khas untuk membuka pintu kereta berkenaan.



PEKERJA membuat kepungan bagi mengumpul bahan buangan.

JAS ambil 6 sampel 'cecair hitam'

Seremban: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan mengambil enam sampel bahan buangan dipercayai mencemarkan Sungai Linggi di sini untuk analisis Jabatan Kimia Malaysia. Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Penggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan berkata, JAS bersama Badan Kawal Sella Air (BKSA) dan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) menjalankan siasatan di sepanjang Lembangan Sungai Linggi sebaik menerima aduan pencemaran itu.

Katanya, hasil siasatan mendapati sisa buangan dibuang dalam bentuk cecair berwarna hitam dan berbau seperti pelarut.

"Kawasan tercemar ditemui dekat Jalan Tok Ungku, Rasah itu berkeluasan kira-kira 4x5 meter persegi berdekatan alur air mengalir ke Sungai Linggi.



Kawasan tercemar ditemui dekat Jalan Tok Ungku, Rasah itu berkeluasan lebih kurang 4x5 meter persegi"

Veerapan

"Enam sampel bahan buangan diambil untuk analisis Jabatan Kimia," katanya.

Veerapan berkata, kerja pembersihan tapak, pembungkusan, pengangkutan dan pelupusan di lokasi kejadian turut dilaksanakan agensi dilibatkan JAS.

Beliau berkata, kerja-kerja menyedia dan meletakkan beg pasir pula bagi mengeringkan kesan buangan dari memasuki ke alur air dijalankan oleh pihak Jabatan Pengairan Saliran (JPS) dan dipantau oleh JAS bersama agensi lain.



KERJA pelupusan dilakukan di Lembangan Sungai Linggi, semalam.

RINGKAS

3 dituduh miliki rokok seludup RM2.5j

Seremban: Tiga lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Seremban di sini, semalam atas pertuduhan memiliki rokok seludup melibatkan nilai cukai sebanyak RM2.5 juta, Mei lalu.

Tertuduh Tan Fei Hong dan Yap Soon Wei, yang masing-masing berusia 25 tahun dan Loo Shin Jun, 30, membuat pengakuan itu, selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan dalam bahasa Mandarin di hadapan Majistret V Vanita.

Berdasarkan kertas pertuduhan, ketiga-tiga tertuduh pada 6 Mei di tiga lokasi berasingan di dalam daerah Seremban dengan sadar dalam milikan, mempunyai barang larangan import iaitu rokok pelbagai jenama di mana barangan itu dilarang pengimportannya kecuali dengan cara yang diperuntukkan di bawah Butiran 1, Bahagian ke-2, Jadual ke-3, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017.